

Makalah Akademika

BANTUT: KASIHAN KANAK-KANAK

Oleh

P.DHAYAPARI PERUMAL¹,
DR FARIHANA ABDUL RAZAK^{2*} DAN
DR ROSLAH ARSAD³

¹Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Bandar Baru Seri Iskandar, Perak.

²Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak.

³Jabatan Matematik, Fakulti Sains Komputer dan Matematik, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak.

farihana@uitm.edu.my

Editor: Dr Nor'aishah Abu Shah

Masalah tumbesaran yang

dikenali sebagai bantut telah menjadi topik yang hangat diperkatakan oleh pelbagai pihak kerana memberi kesan jangka panjang kepada kanak-kanak khususnya. Oleh itu, penulisan ini akan meneroka faktor serta kesan bantut kepada kanak-kanak. Berdasarkan portal *myhealth* (2020), masalah tumbesaran bermula dengan berat badan bayi yang lahir kurang daripada sepatutnya selain daripada kanak-kanak yang berusia melebihi dua tahun yang menghadapi pembesaran minima iaitu seperti ketinggian yang dicapai dalam setahun adalah kurang daripada 5 sentimeter. Rajah 1 menunjukkan bagaimana faktor dan kesan bantut kepada kanak-kanak. Gambar 1 menunjukkan kesan bantut dan Gambar 2 merujuk kepada bilangan kanak-kanak bantut tertinggi bagi negeri di Malaysia.



- ✓ 1 dari 5 kanak-kanak Malaysia mengalami bantut
- ✓ Punca utama adalah kekurangan zat makanan
- ✓ Punca lain- faktor genetik, penyakit kronik dan late bloomer


JANGAN ABAIKAN BANTUT

Adakah anda perasan anak anda lebih KECIL berbanding rakan sebaya?
Kesan Bantut

- ✓ Mengganggu perkembangan otak
- ✓ Lemah imuniti tubuh
- ✓ IQ yang lebih rendah
- ✓ Risiko penyakit kronik seperti kanser
- ✓ Bantut sepanjang hayat
- ✓ Kematian lebih awal

Gambar 1: Kesan Bantut

Sumber: Public Health Malaysia (2019)



Gambar 2: Bilangan Kanak-Kanak Bantut Tertinggi bagi Negeri di Malaysia

Sumber: Public Health Malaysia (2022)

Faktor berlakunya bantut

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan masalah tumbesaran berlaku kepada kanak-kanak iaitu seperti genetik ibu bapa yang bersaiz kecil; kanak-kanak lewat matang; penyakit sistematik yang tidak dirawat; penyakit yang berkaitan dengan hormon; penyakit kongenital yang berlaku semasa tisu-tisu badan sedang membesar; atau idiopatik.

i. Genetik


Genetik penting ketika transmisi karakteristik fizikal dan sosial daripada ibu bapa kepada anak mereka serta memberi impak yang besar kepada tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak. Genetik ibu bapa akan mempengaruhi juga fizikal anak-anak kerana mereka mewarisi daripada 'susur galur' yang sama.

ii. Lewat matang

Kanak-kanak yang dilahirkan terlalu awal atau lewat matang mempunyai ketinggian yang kurang berbanding rakan sebaya mereka. Namun begitu, mengikut kajian, kanak-kanak ini akan mencapai ketinggian yang normal seperti rakan sebaya yang lain pada usia yang tertentu sekiranya mereka mengambil gizi seimbang dan mendapat nutrisi dalam pemakanan.

iii. Penyakit sistematik yang tidak dirawat

Penyakit sistematik seperti malnutrisi, penyakit usus, penyakit buah pinggang, penyakit darah, penyakit sistem saraf, *diabetes mellitus*, trauma atau tekanan mental yang serius merupakan penyakit yang melibatkan sistem keseluruhan badan. Sekiranya penyakit ini tidak dirawat dengan sempurna, ia boleh mengganggu proses tumbesaran.



Rajah 1: Faktor dan Kesan Bantut kepada Kanak-Kanak.

Sumber: Dr Nazrul Neezam (2016)

iv. Penyakit berkaitan dengan hormon

Hormon memainkan peranan yang sangat penting dalam tumbesaran tubuh badan mengikut usia. Kekurangan hormon tiroid, sindrom cushing iaitu hormon yang dihasilkan oleh kelenjar adrenal secara berlebihan dan kekurangan hormon tumbesaran (GHD) turut berkait rapat dengan risiko bantut.

v. Penyakit kongenital (sejak lahir)

Bantut turut berlaku dalam kalangan pesakit yang mengalami masalah seperti hipotiroidisme kongenital. Hampir 120 kelahiran bayi dicatatkan mempunyai penyakit tersebut berdasarkan portal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

vi. Idiopatik

Istilah idiopatik ini digunakan oleh pengamal perubatan adalah satu penyakit asal yang tidak diketahui. Contoh penyakit yang berkaitan dengan idiopatik adalah seperti sindrom *fibromyalgia*, sklerosis berbilang (MS), neuropati perifer, *cystitis* interstisial yang boleh menyebabkan saluran kencing dan kesakitan pundi kencing, sakit kepala yang menunjukkan kesakitan pada saraf optik (mata), *vulvodinia*, fibrosis paru-paru interstisial, dan sindrom usus yang sengit (IBS) yang menyebabkan rasa sakit di saluran pencernaan.

Kesan

Bantut mempunyai kesan jangka panjang kepada individu yang mengalaminya. Penurunan kognitif dan gangguan dalam pertumbuhan fizikal antara kesan yang berpanjangan kepada individu yang mempunyai masalah bantut selain daripada penurunan produktiviti serta terdedah kepada risiko penyakit-penyakit lain. Selain itu, kanak-kanak yang terbantut juga sering menjadi bahan ejekan rakan sebaya kerana fizikalnya dan keadaan ini menjadi sangat tidak sihat kepada mereka kerana memberi kesan kepada kemurungan dan emosi yang tidak stabil. Turut memberi kesan kepada kanak-kanak yang terbantut adalah apabila mereka membesar dan tidak dapat menyesuaikan diri dengan masyarakat. Mereka akan menghadapi kesukaran dan kesulitan untuk memohon pekerjaan seperti anggota keselamatan yang mempunyai syarat minimum bagi ketinggian. Menurut Fairul Asmaini Mohd Pilus (2022), jumlah kanak-kanak terbantut di Malaysia semakin meningkat dan masalah ini boleh memberi kesan kepada kesihatan mental, fizikal, pergaulan juga boleh menyebabkan kematian.

Kesimpulannya, perkembangan serta pertumbuhan fizikal dan mental kanak-kanak sangat penting dan mereka memerlukan makanan yang seimbang yang mempunyai nutrisi serta zat yang mencukupi. Ibu juga digalakkan memberi penyusuan penuh susu ibu kepada bayi di bawah usia enam bulan agar memberi zat yang mencukupi. Vitamin C, zat besi dan kalsium merupakan antara nutrisi yang diperlukan oleh kanak-kanak untuk membesar dengan sihat dan sempurna. Justeru itu, masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak perlu ditangani dengan segera dan sewajarnya kerana ia merupakan salah satu masalah malnutrisi. Kita boleh mencegahnya! Kasihan kanak-kanak...



Imbas untuk lihat



rujukan bagi artikel ini.